



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PENDIDIKAN DAN JARINGAN SOSIAL KANAK-KANAK TIADA  
KEWARGANEGARAAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU  
MABUL, SEMPORNA SABAH**

*EDUCATION AND SOCIAL NETWORK OF STATELESS CHILDREN IN  
SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU MABUL, SEMPORNA SABAH*

Norsaherah Nabtalian<sup>1\*</sup>, Badariah Saibeh<sup>2</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: norsaherah.nn@gmail.com
- <sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: badariah\_sh@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.09.2022  
Revised date: 10.10.2022  
Accepted date: 30.11.2022  
Published date: 15.12.2022

**To cite this document:**

Nabtalian, N., & Saibeh, B. (2022). Pendidikan dan Jaringan Sosial Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 393-410.

**DOI:** 10.35631/IJEP.748030

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan kini tidak asing lagi di negara Malaysia kerana Reject Zero Policy yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018. Untuk melihat bagaimana pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan, artikel ini menggunakan jaringan sosial sebagai unit analisis bagi melihat bagaimana jaringan sosial yang berlaku dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan dalam pendidikan kebangsaan khususnya di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual secara mendalam dan pemerhatian sebagai kaedah kajian untuk kutipan data pada hujung bulan Januari, 2022 sehingga awal bulan April, 2022. Hasil kajian mendapati bahawa jaringan sosial yang berlaku dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan melibatkan hubungan individu dengan organisasi. Hal ini kerana, ibu bapa yang mewakili kanak-kanak tiada kewarganegaraan menguruskan kemasukan anaknya ke sekolah kebangsaan dengan berjumpa dan melalui guru-guru di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul termasuk guru besar, Pejabat Pendidikan Daerah Semporna, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan ketua kampung Pulau Mabul. Jaringan sosial yang wujud melalui organisasi sangat membantu ibu bapa tiada kewarganegaraan memudahkan pengurusan kemasukan anak dalam pendidikan kebangsaan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan bagaimana jaringan sosial yang berlaku dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan.

**Kata Kunci:**

Pendidikan, Jaringan Sosial, Kanak-kanak Tiada Kewarganegaraan, Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Pulau Mabul

**Abstract:**

Nowdays, education of stateless children in government schools not stranger to Malaysia because of the Reject Zero Policy that was introduced by the Malaysian Ministry of Education in 2018. To see how stateless children are educated in government schools, this article uses social networks as analysis unit to see how the social network that occurs in the inclusion of children without citizenship in national education, especially at Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna. This study uses a qualitative approach by providing in-depth interview as a research method for data collection at the end of January, 2022 until the beginning of April, 2022. The results of this study found that the social network that occurs in the entry of stateless children in national school is relationships between individual with organization. This is because parents who represent stateless children manage their child's admission to the national schools by meeting and through the teachers at Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul including the principal, the Semporna District Education Office, the Sabah State Education Department and the head village of Pulau Mabul. The social network that exists through the organization is very helpful for stateless parents to facilitate the management of their child's entry into national education. Therefore, this article will discuss how social networks occur in the admission of stateless children in national schools.

**Keywords:**

Education, Social Network, Stateless Children, Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Pulau Mabul

## **Pengenalan**

Jaringan sosial dalam modal sosial adalah kerjasama dalam masyarakat untuk akses kepada sumber atau maklumat (Putnam, 1993 dan Thompson, Conaway & Dolan, 2016). Jaringan sosial adalah hubungan sosial yang menyediakan akses kepada sumber sosial bagi memudahkan tindakan individu (Hauberer, 2011). Melalui pendidikan, kepentingan jaringan sosial sebagai ciri modal sosial adalah tersedia untuk pelajar kerana boleh memanfaatkan hubungan dengan kumpulan profesional yang mempunyai pengalaman tentang kepentingan pendidikan (Thompson et al., 2016). Hal ini kerana, jaringan sosial dapat meningkatkan persekitaran melalui ciri-ciri individu seperti nilai, sikap, tabiat, aspirasi dan murid bagi membentuk institusi pendidikan dalam bertindak untuk bekerjasama bagi meningkatkan modal sosial (Mikiewicz, 2021). Oleh itu, jaringan sosial dilihat membantu dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan dalam pendidikan.

Sebelum tahun 2002, kanak-kanak pelarian di Malaysia dibenarkan memasuki sekolah kerajaan dengan yuran RM120.00 bagi sekolah rendah dan RM240.00 bagi sekolah menengah tetapi, kemudahan tersebut telah dihentikan pada tahun 2002 (Kassim & Imang, 2005). Walau bagaimanapun, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan masih berlaku selepas tahun 2002 kerana, kanak-kanak bukan warganegara boleh memasuki sekolah awam melalui budi bicara ketua sekolah (Loganathan, Chan, Hassan, Ong, & Majid, 2022). Rentetan itu, nilai kerjasama melalui budi bicara di antara pentadbir sekolah dengan ibu bapa

melambangkan wujudnya jaringan sosial dalam isu pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan dalam pendidikan. Pendidikan adalah hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Hak Asasi Manusia 1948 yang berfungsi sebagai hak asasi manusia berdasarkan tiga prinsip iaitu, i) kebolehcapaian terhadap pendidikan wajib dan percuma, ii) kesamarataan, keterangkuman dan tiada diskriminasi, dan iii) hak terhadap pendidikan berkualiti, kandungan dan proses pembelajaran (Saibeh, 2018).

Walaupun Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) pindaan tahun 2002 telah mengehadkan akses kepada pendidikan percuma kepada warganegara Malaysia sahaja (Saibeh, 2018 dan Lumayag, 2016), namun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memulakan *Zero Reject Policy* pada tahun 2019 untuk memudahkan kemasukan kanak-kanak tanpa warganegara ke sekolah awam (Loganathan et al., 2022) disebabkan oleh ramai kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang masih mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan. Kajian Loganathan et al. (2022) menyatakan bahawa *Zero Reject Policy* akan menerima kanak-kanak tiada kewarganegaraan tetapi mengandung syarat iaitu sekurang-kurangnya salah seorang ibu bapa berwarganegara Malaysia. Kriteria kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan adalah seperti, i) bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia, ii) anak tidak sah taraf bapa warganegara Malaysia dan ibu bukan warganegara Malaysia, iii) anak bukan warganegara yang ibu bapanya juga bukan warganegara (Loganathan et al., 2022). Rentetan itu, bagaimana peraturan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan dengan jaringan sosial yang wujud dalam kumpulan masyarakat membantu kanak-kanak tiada kewarganegaraan untuk mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan mengenai jaringan sosial yang berlaku dalam kalangan ibu bapa yang tiada kewarganegaraan menguruskan kemasukan anak mereka di sekolah kerajaan. Sememangnya, jaringan sosial adalah tunggak utama dalam mewujudkan hubungan sosial kerana jaringan sosial manusia yang tinggal dan bekerja dalam sebuah masyarakat yang sama membolehkan masyarakat itu berfungsi dengan berkesan (Kamarudin, Yen & See, 2020). Misalnya, jaringan sosial dalam kalangan imigran itu sendiri dapat memudahkan hubungan kekeluargaan dalam jaringan dengan penyebaran yang luas dalam keseluruhan komuniti imigran (Sadiq, 2009). Dalam masa yang sama, Pulau Mabul pula mempunyai penduduk yang berstatus bukan warganegara sebanyak 2,857 orang daripada 3,068 orang jumlah penduduk berdasarkan Profil Penduduk Pulau Mabul Tahun 2019 (Saibeh, Osman, Saat & Japili, 2021). Oleh itu, artikel ini membincangkan bagaimana jaringan sosial komuniti imigran di Pulau Mabul dalam memasukkan anak mereka di sekolah kebangsaan.

## Sorotan Literatur

Jaringan sosial adalah salah satu ciri-ciri organisasi sosial yang melibatkan tanggungjawab bersama iaitu bersifat formal dan informal (Putnam, 1993; 2000). Menurut Putnam (2000), hubungan formal adalah terikat dengan hal ehwal umum yang mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi dan diketahui untuk mewujudkan penyertaan dalam persatuan dengan komuniti. Manakala, hubungan informal pula adalah kumpulan formal dan komuniti yang menjalankan aktiviti untuk meluangkan masa bagi perkongsian maklumat dan masalah dalam sebuah perjumpaan persatuan (Putnam, 2000). Jaringan sosial yang terdiri daripada formal dan informal akan mewujudkan nilai hubungan antara individu dan organisasi melalui kekerapan penglibatan atau penyertaan dalam sebuah kumpulan atau organisasi (Putnam, 2000). Justeru, nilai kerjasama dan toleransi yang wujud dalam hubungan individu dengan organisasi dapat memudahkan akses dalam pendidikan. Interaksi dalam jaringan sosial dapat bukan sahaja

hubungan wujud diantara individu, tetapi juga wujud individu yang berhubungan dengan kumpulan lain seperti organisasi/persatuan/institusi (Lin, 2004). Oleh hal yang demikian, melalui jaringan sosial, individu memperoleh sumber dengan mengakses sumber pendidikan melalui hubungan formal dan informal yang dibentuk kerana perkongsian proses dalam kepentingan individu (Lin, 2004) khususnya dalam pendidikan.

Kajian oleh Hallet (2013) mengenal pasti pelajar tiada kewarganegaraan di institusi pengajian tinggi California mempunyai persatuan yang dikenali sebagai *Assisting Student Concerned with Educating, Not Deporting* (ASCEND) yang memperjuangkan kemasukan sama rata di institusi pengajian tinggi khususnya bagi pelajar yang tiada kewarganegaraan. Persatuan ASCEND merupakan orang tengah atau berfungsi sebagai pusat jaringan sosial antara pelajar tiada kewarganegaraan terlibat dalam aktiviti yang menyuarakan ketidakadilan berkaitan dengan akses pelajar tiada kewarganegaraan kepada institusi pengajian tinggi (Hallet, 2013). Hal ini juga berlaku di Uganda dimana pelajar pelarian di universiti masing-masing melibatkan diri dalam persatuan sokongan yang berpotensi untuk setiap tindakan di universiti (Najjuma, Gallagher & Nambi, 2022). Persatuan sosial ini memberikan pelajar pelarian untuk beradaptasi dengan proses yang kurang biasa dengan mereka dan lebih seiring dengan kebijakan sosial lebih-lebih lagi melibatkan masalah komunikasi dalam bahasa Inggeris, persatuan di universiti dapat memainkan peranan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar pelarian di universiti (Najjuma et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa jaringan sosial dalam pendidikan pelajar pelarian di institusi pengajian tinggi melibatkan hubungan individu dalam sebuah organisasi/persatuan untuk mencapai matlamat yang sama dengan kestabilan status pelajar sebagai tiada kewarganegaraan di institusi pengajian tinggi.

Dalam konteks keluarga Filipina, pendidikan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan ibu bapa kerana secara keseluruhan dipercayai bahawa pendidikan meningkatkan peluang seseorang untuk berjaya (Lumayag, 2016). Di Sabah, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan melibatkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru, kepentingan jaringan sosial dalam pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan adalah orang tengah dalam institusi yang berfungsi menguruskan stratifikasi sosial dan ketidaksamaan masyarakat dalam sebuah organisasi (Stanton-Salazar, 2011) dengan melihat sekolah menguruskan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan. Stanton-Salazar (2011) menyatakan bahawa jaringan sosial membentuk akses kepada maklumat tentang proses pendidikan dan bagaimana kumpulan pelajar yang kurang mendapat perkhidmatan boleh diperkasakan melalui hubungan jaringan dan orang tengah institusi. Orang tengah memainkan peranan penting dalam membantu dan memperkasakan pelajar yang kurang mendapat perkhidmatan semasa mereka menjalankan proses pendidikan yang kompleks, termasuk menghantar borang permohonan dan bantuan kewangan (Stanton-Salazar, 2011). Justeru, jaringan sosial dalam artikel ini adalah melihat hubungan di antara individu dan organisasi dalam menguruskan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan.

### **Pendidikan Kanak-kanak Tiada Kewarganegaraan di Sekolah Kerajaan**

Secara amnya, pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah menekankan bahawa pendidikan awam adalah syarat asas untuk kejayaan dalam pendidikan tetapi, disertakan dengan syarat jika pendidikan untuk pelarian (Hsin & Reed, 2020 dan Crul et al., 2019). Di Amerika Syarikat, seramai 250,000 pelajar imigran tanpa izin yang mendapat pendidikan sehingga pengajian tinggi (Hsin & Reed, 2020). Hal ini kerana, kanak-kanak tanpa izin di Amerika Syarikat mempunyai hak untuk memasuki pendidikan awal kanak-kanak

(tadika) sehingga tahap Gred-12 dan mereka juga tidak dihalang untuk melanjutkan pendidikan pengajian tinggi (Hsin & Reed, 2020). Manakala, di Lubnan persekolahan adalah diwajibkan sehingga umur lima belas tahun dan kerajaan Lubnan telah menetapkan pada tahun 2016 bahawa pelajar diperingkat sekolah menengah dan menengah awam (Gred 9 dan 12) dari mana-mana kewarganegaraan yang pulang dari Syria dan Iraq dibenarkan menduduki peperiksaan rasmi tanpa menunjukkan transkrip atau dokumentasi sekolah terdahulu (Crul et al., 2019). Hal ini boleh membantu kanak-kanak pelarian yang sebelum ini tidak bersekolah selama beberapa tahun untuk mendaftar semula (Crul et al., 2019). Selain itu, kanak-kanak pendatang luar bandar di China juga dibenarkan bersekolah pada tahun 1990-an kerana dasar awal kerajaan China menegaskan atas dasar *hukou* bahawa anak-anak migran hanya dibenarkan mendapat pendidikan di kawasan luar bandar China (Holdaway, 2018).

Kemasukan kanak-kanak tanpa izin dalam pendidikan kebangsaan sememangnya mempunyai peraturan tertentu misalnya di Amerika Syarikat, pendaftaran pelajar untuk memasuki institusi pengajian tinggi di *City University of New York* (CUNY), pelajar diminta untuk melaporkan bahawa mereka adalah warganegara Amerika Syarikat, pemastautin tetap, pemegang dokumen sementara, pelarian atau pendatang tanpa izin (Hsin & Reed, 2020). Pelajar mesti menyerahkan dokumen untuk pengesahan dokumen diri, jika gagal akan dikategorikan sebagai tidak berdokumen (Hsin & Reed, 2020). Di Beijing pula, pelajar migran yang memasuki sekolah awam pada tahun 2014 perlu mengemukakan lima sijil seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pendidikan Perbandaran Beijing iaitu, i) permit kediaman sementara untuk kedua-dua ibu bapa, ii) sijil tiada hak penjagaan, iii) dokumen pendaftaran isi rumah untuk pelajar dan ibu bapa, iv) permit pekerjaan dan, v) penyewaan rumah di daerah itu (Holdaway, 2018). Selain daripada dokumentasi, pelajar pendatang asing juga dikehendaki membayar yuran kolej dalam negeri dengan kadar lebih rendah seperti yang berlaku di New York. Namun, dasar tersebut dihentikan pada tahun 2001 sehingga kerajaan New York tidak dapat meluluskan Akta *Dream Work* yang memberikan bantuan kewangan kepada pendatang tanpa izin (Hsin & Reed, 2020). Pelajar yang mempunyai halangan dari aspek kewangan dan psikologi cenderung untuk menarik diri daripada mendapat pendidikan pengajian tinggi (Hsin & Reed, 2020).

Kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan juga turut berlaku di Malaysia walaupun Akta Pendidikan (1996) telah menetapkan bahawa hanya kanak-kanak yang berwaganegara Malaysia sahaja dibenarkan bersekolah di sekolah kerajaan secara percuma. Namun, pada tahun 1990-an kanak-kanak bukan warganegara boleh memasuki sekolah awam melalui budi bicara ketua sekolah (Loganathan et al., 2022). Hal ini kerana pada tahun 2001, terdapat kira-kira 17,580 anak-anak orang Filipina mendapat pendidikan di sekolah kerajaan dan dikehendaki membayar yuran sebanyak RM120.00 bagi sekolah rendah (Kassim & Imang, 2005). Namun, kemudahan ini telah dihentikan pada tahun 2002 dan anak-anak pendatang berhak memasuki sekolah swasta (Kassim & Imang, 2005). Walau bagaimanapun, pada tahun 2018 Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat Dr. Maszlee Malik telah mengeluarkan pernyataan bahawa inisiatif ‘Kanak-kanak Tiada Kewarganegaraan boleh mula bersekolah 2019’ (Borneo Today, 2018). Seiring dengan itu, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan ‘Zero Reject Policy’ pada tahun 2019 untuk memudahkan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen di sekolah kerajaan dengan kriteria seperti, i) bukan warganegara angkat oleh warganegara Malaysia, ii) anak tidak sah taraf bapa warganegara Malaysia dan ibu bukan warganegara Malaysia, dan iii) kanak-kanak bukan warganegara yang ibu bapanya juga bukan warganegara (Loganathan et al., 2022). Oleh hal yang demikian, negara-negara yang menerima kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan menetapkan peraturan yang paling utama adalah dokumentasi dan juga yuran. Secara tidak langsung, kemasukan

kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan dapat mengurangkan kadar kecinciran kanak-kanak dalam pendidikan terhadap masyarakat dan negara kerana pendidikan adalah salah satu elemen dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Zakari, Majid & Hussian, 2022).

### **Kanak-kanak Tiada Kewarganegaraan**

Istilah kanak-kanak tiada kewarganegaraan sering bertukar mengikut skop kajian yang dijalankan. Dalam kajian Lumayag (2016), beliau menggunakan istilah kanak-kanak yang tidak berdokumen iaitu, merujuk kepada anak-anak yang tidak memiliki bentuk dokumentasi apapun untuk membuktikan bahawa mereka adalah warganegara Malaysia yang sah dan tidak memiliki dokumentasi warganegara asing. Kategori kanak-kanak tanpa kerakyatan dan tidak berdokumen di Malaysia terbahagi kepada dua mengikut lokasi dan identiti undang-undang (Loganathan et al., 2022). Di Semenanjung terdapat pelarian dan pencari suaka, di Sabah pula terdiri daripada empat iaitu, i) pendatang Filipina, ii) pendatang Indonesia, iii) orang Bajau Laut yang tidak bernegara dan, iv) Orang Asli yang tidak dikenali di pedalaman (Loganathan et al., 2022). Kebiasaannya, pendatang Filipina dan Indonesia memegang dokumen IMM13 dan orang bajau Laut dikenali sebagai orang Palauh di Sabah dengan memegang dokumen Lepa (Saibeh, 2019). Gusni dan Shah (2019) dalam Saat, Mokhtar dan Mansur (2020) menyatakan bahawa sifat orang tanpa kewarganegaraan di Semporna boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu i) dilahirkan tanpa kewarganegaraan, ii) pendatang tanpa izin tanpa status, dan iii) warisan tanpa kewarganegaraan.

Apabila anak-anak yang dilahirkan tanpa kewarganegaraan, ini bermaksud sama ada anak yang kedua-dua orang tuanya berasal Filipina tidak mempunyai dokumen yang betul atau, anak-anak pendatang asing generasi kedua yang pada asalnya ibu bapa memegang dokumen IMM13 atau, anak yang mempunyai salah seorang ibu bapa merupakan warganegara Malaysia tetapi kelahirannya tidak didaftarkan (Lumayag, 2016). Memandangkan ketiadaan kewarganegaraan berkait secara langsung dengan ketiadaan pengenalan yang sah, ketiadaan pendaftaran kelahiran telah menjadi punca utama yang membawa kepada masalah sijil kelahiran (Rahmat, Randawar, Jayabalan, Razak & Azmi, 2021). Hal ini kerana, kanak-kanak tanpa kerakyatan dan tidak berdokumen yang membuat tuntutan kewarganegaraan Malaysia mempunyai lebih banyak peluang pendidikan berbanding kanak-kanak tanpa izin yang mempunyai akses yang minimum dalam pendidikan awam (Loganathan et al., 2022). Justeru, kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang bersekolah di sekolah kebangsaan dalam kajian ini adalah kanak-kanak pelarian Filipina yang salah seorang ibu bapanya memegang dokumen berstatus penduduk tetap MyPR dan dokumen IMM13. Kesimpulannya, Malaysia menghadapi situasi dimana orang tidak berdokumen dengan laluan kerakyatan Malaysia dan mempunyai kewarganegaraan yang lemah (Loganathan et al., 2022).

### **Pulau Mabul dan Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul**

Pulau Mabul yang terletak Laut Sulawesi merupakan antara pulau di Semporna yang menjadi tarikan utama pelancong dari dalam dan luar negara terutamanya untuk tujuan ekopelancongan berasaskan selam skuba (Ali, 2012). Pengangkutan utama untuk sampai ke Pulau Mabul ialah bot laju pelancong dan bot nelayan yang dikenali sebagai jongkong. Perjalanan ke Pekan Semporna ke pulau ini mengambil masa 35 – 45 minit jika menaiki bot laju dan satu hingga dua jam jika menaiki jongkong. Majoriti komuniti di Pulau Mabul berstatus bukan warganegara iaitu 93 peratus (2,857 orang) daripada 3,069 orang jumlah penduduk berdasarkan Profil Penduduk Pulau Mabul Tahun 2019 (Saibeh et al., 2021). Pulau Mabul mengalami masalah kewarganegaraan seterusnya memberi kesan kepada kebolehcapaian terhadap hak asasi

manusia dan hidup dalam keterpinggiran sosial (Saibeh, 2019). Hal ini kerana, isu kewarganegaraan yang berlaku di Sabah berkait rapat dengan kedatangan orang pelarian dari selatan Filipina ke negeri Sabah sejak awal tahun 1970-an (Saibeh, 2019).

Kedatangan orang pelarian dari Filipina ke negeri Sabah menyebabkan Sekolah Kebangsaan (S.K) Pulau Mabul telah dibuka pada tahun 1986 atas kerjasama UNHCR dan kerajaan negeri Sabah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak orang pelarian yang ramai di Pulau Mabul (Saibeh, 2019). Sekolah ini merupakan sekolah kedua terpencil di daerah Semporna selepas S.K Pulau Denawan dan awalnya, sekolah ini hanya mempunyai satu blok bangunan yang terdiri daripada tiga bilik iaitu bilik pentadbiran, bilik guru dan satu bilik darjah dengan bilangan muridnya seramai puluhan orang sahaja (Sansalu & Rahim, 2012). Apabila S.K Pulau Mabul banyak berubah dengan pelbagai kemudahan prasarana dan dipertingkatkan semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bilangan pelajar yang berdaftar juga telah meningkat daripada 210 orang pada tahun 1998 kepada 287 orang pada tahun 2011. Menurut responden kajian, bilangan murid dalam bilik darjah juga melebihi kapasiti bilik darjah yang telah ditetapkan iaitu melebihi 40 orang kerana semakin ramai anak pelarian yang berdaftar.

Walau bagaimanapun, jumlah kesuruhan murid yang bersekolah di S.K Pulau Mabul semakin berkurang disebabkan kerajaan yang telah menetapkan pembayaran yuran sebanyak RM120.00 bagi kanak-kanak pelarian Filipina di Sabah mendaftar di sekolah kebangsaan dan pada masa ini, kemasukan anak pelarian di sekolah kebangsaan juga memerlukan surat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Semporna, 2022). Hal ini menyebabkan akses pendidikan kanak-kanak pelarian di sekolah kebangsaan semakin ketat dan bilangan semakin berkurang. Jadual 1 menunjukkan data kajian lapangan bagi jumlah murid yang bersekolah di S.K Pulau Mabul dari tahun 2018 hingga tahun 2022.

**Jadual 1: Bilangan Murid di S.K Pulau Mabul Tahun 2018 hingga Tahun 2022**

<b>Kategori Murid/ Tahun</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
<b>Warganegara</b>	128 orang	125 orang	102 orang	119 orang	116 orang
<b>Bukan Warganegara</b>	60 orang	60 orang	33 orang	34 orang	29 orang
<b>Jumlah</b>	<b>188 orang</b>	<b>185 orang</b>	<b>135 orang</b>	<b>153 orang</b>	<b>145 orang</b>
<b>Keseluruhan</b>					

Sumber: S.K Pulau Mabul Tahun 2022

Berdasarkan Jadual 1, bilangan murid yang bersekolah di S.K Pulau Mabul semakin berkurang iaitu, daripada 188 orang murid pada tahun 2018 kepada 135 orang murid pada tahun 2020 dan seramai 145 orang murid di S.K Pulau Mabul pada tahun 2022. Jumlah pengurangan tersebut seiring dengan bilangan murid bukan warganegara iaitu daripada 60 orang murid pada tahun 2018 berkurang kepada 29 orang murid pada tahun 2022. Jumlah murid bersekolah di S.K Pulau Mabul semakin berkurang dengan perbezaan 142 orang berbanding pada tahun 2011. Hal ini disebabkan oleh peraturan yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan melihat kepada dokumentasi murid tiada kewarganegaraan yang ingin bersekolah di sekolah kebangsaan.

## Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual secara mendalam dan pemerhatian sebagai kaedah kajian. Kajian ini menjalankan kutipan data di Sekolah Kebangsaan (S.K) Pulau Mabul pada hujung bulan Januari 2022 sehingga awal bulan April, 2022. Pengkaji menjalankan kutipan data secara berkala di Pulau Mabul iaitu hari Isnin hingga Jumaat sesi kutipan data setiap minggu bersamaan dengan sembilan minggu (tidak termasuk minggu cuti sekolah). S.K Pulau Mabul dipilih sebagai lokasi kajian kerana Pulau Mabul menjadi perkampungan orang pelarian sejak tahun 1970-an lagi dan akibat daripada itu, sebanyak 89 peratus orang penduduk di Pulau Mabul adalah bukan warganegara Malaysia (Saibeh, B. 2019). Justeru, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul masih berlaku sehingga hari ini.

Kajian ini menggunakan *purposive sampling* yang dikenali sebagai sampel bertujuan iaitu, pengkaji tidak berusaha untuk mengambil sampel penyertaan penyelidikan secara rawak kerana matlamat persampelan bertujuan adalah untuk mengambil sampel penyertaan dengan cara yang relevan dengan persoalan kajian yang dikemukakan (Bryman, 2012). Hal ini bermaksud, kesemua responden dalam kajian dipilih secara bertujuan sesuai dengan fokus kajian tentang pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan iaitu, pengkaji hanya menemu bual murid tiada kewarganegaraan yang dicadangkan oleh guru kelas kemudian, murid tiada kewarganegaraan akan membawa pengkaji untuk berjumpa dengan ibu bapa mereka untuk sesi temu bual bersama responden kategori ibu bapa. Oleh itu, kajian ini telah menemu bual pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna, sembilan orang guru-guru di S.K Pulau Mabul termasuk guru besar, guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan guru kelas setiap darjah, seramai 11 orang murid tiada kewarganegaraan dan ibu bapa mereka, serta ketua kampung Pulau Mabul.

Selain itu, pengkaji membentuk soalan temu bual berdasarkan kerangka konsep yang telah dipilih iaitu modal sosial yang merangkumi ciri organisasi sosial seperti jaringan sosial. Pengkaji menggunakan kod-kod yang didapati dalam definisi jaringan sosial seperti ‘siapa yang anda kenal’ dan kod ‘penglibatan atau penyertaan’ untuk membentuk panduan soalan temu bual yang didefinisikan oleh Putnam (1993; 2000). Setelah menjalankan kutipan data, pengkaji memindahkan data yang diperoleh daripada pita rakaman suara kepada transkrip untuk mengeluarkan tema-tema yang penting daripada kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian Atlas.ti untuk menganalisis data iaitu, pengkaji telah menjalankan tematik yang utama iaitu ‘jaringan sosial’. Hasil kajian ini mendapati jaringan sosial melibatkan hubungan antara individu dan organisasi. Justeru, kod yang wujud dalam penganalisisan data adalah ‘Ibu bapa Tiada Kewarganegaraan’ yang berfungsi sebagai individu mewakili kanak-kanak tiada kewarganegaraan dan, kakitangan S.K Pulau Mabul seperti ‘guru besar’, ‘guru Penolong Kanan HEM’ dan ‘guru kelas’, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dan ketua kampung berfungsi sebagai organisasi dalam pengurusan kemasukan murid tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan. Oleh itu, melalui perisian Atlas.ti, pengkaji dapat menghubungkan kod yang wujud melalui analisis *network* yang ada dalam Atlas.ti.

## Dapatan Kajian

### **Latar belakang Responden Murid Tiada Kewarganegaraan**

Hasil kajian dalam Jadual 2 menunjukkan ibu atau bapa murid tiada kewarganegaraan dalam kajian ini memegang dokumen MyPR, IMM13, Surat Lepa dan Surat Akuan. Secara tidak

langsung, murid dalam kajian ini keseluruhan memegang dokumen Sijil Lahir Bukan Warganegara. Seramai enam orang ibu bapa bagi murid tiada kewarganegaraan yang pernah mendapat pendidikan sehingga Tahun Enam di S.K Pulau Mabul dan tiga orang mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa menghantar anak untuk mendapatkan pendidikan kebangsaan kerana mempunyai pengalaman untuk mengikuti sistem pendidikan kebangsaan sebelum ini dan ketika itu, Puan Karna menyatakan bahawa tiada yuran RM120.00 yang dikenakan terhadap mereka.

**Jadual 2: Latar Belakang Responden Murid Tiada Kewarganegaraan**

Bil	Responden	Umur	Ibu/Bapa	Tahap Pendidikan Ibu/Bapa
1	Murid Tiada Kewarganegaraan 1	9	Puan Karna, 43 tahun (MyPR)	Tahun 6 di S.K Pulau Mabul (1986)
2	Murid Tiada Kewarganegaraan 2 dan 3	9 dan 12	Puan Azalina, 32 tahun (Surat Akuan)	Tahun 6 di S.K Pulau Mabul
3	Murid Tiada Kewarganegaraan 4	12	Puan Alfia, 36 tahun (Surat Lepa)	Tahun 4 di sekolah NGO, Bangau-Bangau
4	Murid Tiada Kewarganegaraan 5	11	Encik Arif, 31 tahun (MyKad, isteri MyKAS)	Tingkatan 5 di S.M.K Bum-Bum
5	Murid Tiada Kewarganegaraan 6	11	Puan Ruhaina, 37 tahun (MyPR)	Tahun 6 di S.K Pulau Mabul
6	Murid Tiada Kewarganegaraan 7	10	Puan Najua, 38 tahun (MyPR)	Tahun 6 di S.K Pulau Mabul
7	Murid Tiada Kewarganegaraan 8	10	Puan Erma, 43 tahun (IMM13)	Tahun 6 di S.K Pulau Mabul
8	Murid Tiada Kewarganegaraan 9	8	Puan Laila, 31 tahun (MyKad, suami IMM13)	Tingkatan 5 di S.M.K Bum-Bum
9	Murid Tiada Kewarganegaraan 10	8	Encik Yolo, 32 tahun (MyKad, isteri IMM13)	Tingkatan 5 di SMK Abdullah 1
10	Murid Tiada Kewarganegaraan 11	10	Puan Nuryakin, 42 tahun (Surat Akuan)	Tahun 3 di S.K Pulau Mabul

Sumber: Kerja Lapangan Tahun 2022


#### ***Jaringan Sosial dalam Pendidikan Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan di Sekolah Kebangsaan (S.K) Pulau Mabul, Semporna Sabah***

Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat dua tema yang wujud melalui jaringan sosial dalam pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul, Semporna. Jaringan sosial dalam pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul adalah

melibatkan jaringan sosial antara individu dengan organisasi/persatuan. Pengkaji mengkelaskan kepada dua tema yang melihat jaringan sosial antara individu dengan organisasi/persatua iaitu, jaringan sosial dalam menguruskan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul dan, jaringan sosial dalam penyertaan persatuan mengenai hal ehwal kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul.

### ***Jaringan Sosial dalam Menguruskan Kemasukan Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul, Semporna***

Menurut responden Puan Mazlina yang merupakan pegawai Sektor Pengurusan Sekolah di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan mempunyai dua kategori iaitu kemasukan murid yang berstatus bukan warganegara dan kemasukan murid tanpa dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa murid yang berstatus bukan warganegara akan mengisi borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan dengan kod PU(A) 2715 atau lebih dikenali sebagai borang ‘pink’ kerana murid yang mendaftar menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan memegang dokumen Sijil Lahir Bukan Warganegara yang berwarna merah jambu. Keduanya adalah murid tanpa dokumen yang memohon menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan dengan kod SPI.1/2009 atau lebih dikenali sebagai borang MWTD. Kanak-kanak tiada kewarganegaraan berpotensi mengisi borang-borang ini tetapi bergantung kepada dokumen pengenalan diri yang dimiliki. Walau bagaimanapun, responden kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang bersekolah di S.K Pulau Mabul dalam kajian ini adalah kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang memohon menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan kerana memegang dokumen Sijil Lahir Bukan Warganegara. Rajah 1 menunjukkan jaringan sosial dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul, Semporna yang menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan.



**Rajah 1: Jaringan Sosial dalam Kemasukan Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul melalui Borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan**

Sumber: Kerja Lapangan Tahun 2022

Berdasarkan Rajah 1, Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan mengisi (*is filling*) Borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara untuk mendaftarkan anak ke sekolah kebangsaan. Rentetan itu, Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan berurusan dengan (*is dealing with*) Pegawai Sektor Pengurusan Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru besar, guru Penolong Kanan HEM, dan guru kelas bermaksud, ibu bapa akan berurusan dan berjumpa dengan pegawai PPD dan guru-guru di sekolah dalam menguruskan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan. Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan akan berjumpa dengan Cikgu Manja iaitu guru Penolong Kanan HEM sekolah untuk mendapatkan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan dan berjumpa dengan pegawai di PPD untuk menghantar borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan serta, berjumpa guru kelas setelah membayar yuran '*Lavi*' iaitu RM120.00 bagi kemasukan belajar di S.K setelah mendapat kelulusan belajar. Seterusnya, PPD akan bekerjasama dengan (*is associated with*) Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) bermaksud PPD bekerjasama dengan JPNS menguruskan kemasukan dengan menghantar borang kanak-kanak tiada kewarganegaraan kepada JPNS untuk mendapatkan surat kelulusan kanak-kanak tiada kewarganegaraan belajar di sekolah kerajaan. Rentetan itu, wujud hubungan jaringan sosial diantara individu dan organisasi.

Responden guru Penolong Kanan HEM iaitu Cikgu Manja menyatakan bahawa ibu bapa tiada kewarganegaraan menguruskan anak mereka di S.K Pulau Mabul adalah ibu bapa berjumpa dengan guru besar terlebih dahulu dimana, guru besar sekolah perlu memperakui bahawa masih terdapat kekosongan di S.K Pulau Mabul dan pihak sekolah menerima pendaftaran murid tiada kewarganegaraan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menurut Cikgu Manja lagi:

“.... prosesnya melalui guru besar lah. Maknanya guru besar perlu membuat pengakuan bahawa ada kekosongan bilik darjah di S.K Pulau Mabul ni, dan apabila sudah ditandatangani oleh guru besar, ibu bapa perlu menghantar ke PPD untuk memohon kemasukan sebagai pelajar bukan warganegara ....”

(Cikgu Manja, ditemu bual pada 27 Januari 2022)

Ibu bapa akan mengisi borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara atau lebih dikenali sebagai borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan yang boleh didapati di sekolah melalui guru Penolong Kanan HEM dan perlu ditandatangani oleh guru besar sekolah. Borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan perlu dilengkapkan dan kemudian dihantar ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Menurut Puan Mazlina, antara dokumen yang perlu dilampirkan dalam permohonan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan adalah:

“.... kalau borang pink, dia perlu ada surat lahir lahir lah, lepas tu dokumen pengenalan diri ibu bapa terutamanya yang bapa ni sebab dalam surat lahir tu bapa warganegara maknanya ada kad pengenalannya sudah kan, dokumen ibu pasport itu sebagai sokongan semuanya dalam tiga salinan ....”

(Puan Mazlina, ditemu bual pada 18 April 2022)

Berdasarkan pernyataan Puan Mazlina, dokumen yang perlu dilampirkan dalam permohonan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan adalah dokumen pengenalan diri murid dan ibu bapa/penjaga dan perlu disediakan dalam tiga salinan untuk simpanan sekolah, PPD dan JPNS. Tempoh menunggu surat kelulusan belajar daripada JPNS adalah selama dua hingga tiga bulan. Setelah mendapat kelulusan daripada JPNS, ibu bapa akan dikehendaki membayar yuran sebanyak RM120.00 ke PPD bagi yuran kemasukan belajar di sekolah kerajaan dan yuran tersebut perlu dibayar setiap tahun diawal tahun sesi persekolahan. Kemudian, guru Penolong Kanan HEM akan meminta guru kelas untuk memasukkan nama murid tiada kewarganegaraan yang telah membayar yuran RM120.00 dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Kemudian, Ibu bapa yang telah membayar yuran RM120.00 di PPD akan berjumpa dengan guru Penolong Kanan HEM untuk menghantar resit pembayaran ke sekolah. Menurut responden Puan Azalina (rujuk Jadual 2) dan responden guru kelas iaitu Cikgu Rosman:

“.... resit tu baru dibawa ke sini baru diorang masukkan dalam sistem ....”

(Puan Azalina, ditemubual pada 8 Februari 2022)


“.... guru kelas key-in itu nombor resit itu dalam APDM, automatik datanya akan berpindah ke dalam yang di key-in itu, ada nombor resit pembayaran itu di key-in dalam APDM ....”

(Cikgu Rosman, ditemubual pada 23 Januari 2022)

Nombor resit yuran pembayaran RM120.00 diperlukan oleh guru kelas untuk memasukkan nama murid tiada kewarganegaraan dalam sistem APDM dan, secara tidak langsung sah berdaftar sebagai murid di S.K Pulau Mabul. Jaringan sosial dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul melibatkan hubungan antara individu (ibu bapa murid tiada kewarganegaraan) dan organisasi yang melibatkan kakitangan S.K Pulau Mabul,  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS). Walau bagaimanapun, sebelum tahun 2021, terdapat kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang tidak mendapat kelulusan daripada JPNS dapat bersekolah di S.K Pulau Mabul kerana budi bicara daripada guru besar atas perikemanusiaan sebagai pendidik. Oleh hal yang demikian, jaringan sosial di antara ibu bapa dan guru besar melibatkan nilai kerjasama melalui budi bicara dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan.

Selain itu, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan mempunyai sedikit perbezaan dengan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang memohon menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan. Menurut Cikgu Manja, permohonan memasuki sekolah kebangsaan menggunakan borang MWTD sangat jarang berlaku di S.K Pulau Mabul. Rajah 2 menunjukkan jaringan sosial yang terlibat dalam menguruskan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan.



**Rajah 2: Jaringan Sosial dalam Kemasukan Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan di Sekolah Kerajaan melalui borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan**

Sumber: Kerja Lapangan Tahun 2022

Berdasarkan Rajah 2, Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan menguruskan anak mereka di sekolah kerajaan menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan akan berurusan dengan (*is dealing with*) pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru besar, guru Penolong Kanan HEM dan ketua Kampung Pulau Mabul bermaksud, Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan akan berjumpa dengan guru besar dan guru Penolong Kanan HEM untuk memohon kemasukan menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan. Selain itu, Seterusnya, pengisian borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan mempunyai bahagian yang memerlukan pengesahan daripada ketua kampung. Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan akan berjumpa dengan ketua kampung Pulau Mabul bagi mendapatkan pengesahan ketua kampung kerana menurut Puan Mazlina:

“....cuma ini perlu ada pengesahan ketua kampung lah (tanpa dokumen), pengesahan ketua kampung bahawa ibu bapa dan anak itu adalah betul-betul penduduk asli di kampung itu ....”

(Puan Mazlina, ditemu bual pada 18 April 2022)

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa Ibu Bapa Tiada Kewarganegaraan akan berjumpa dengan ketua kampung untuk mendapatkan pengesahan daripada ketua bagi membuktikan mereka adalah penduduk Pulau Mabul. Menurut Puan Mazlina juga, surat kelulusan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan dikeluarkan oleh PPD tanpa menghantar borang tersebut ke JPNS. Surat kelulusan Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan juga sah dalam dua tahun dan selama tempoh itu ibu bapa dikehendaki menguruskan dokumen anak kerana isu borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan adalah anak yang didaftarkan tidak mempunyai apa-apa dokumen termasuk sijil lahir dan tidak ada bayaran yuran kemasukan yang dikenakan jika mendaftar menggunakan borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Warganegara Tanpa Dokumen ke Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan. Oleh hal yang demikian, kepercayaan yang penting dalam jaringan sosial yang melibatkan kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan mementingkan surat kelulusan daripada JPNS dan PPD dan, budi bicara daripada guru besar serta, pengesahan ketua kampung yang menjamin kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan. Jaringan sosial yang berlaku dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan melibatkan hubungan antara individu dan organisasi yang saling bekerjasama untuk memudahkan pengurusan kemasukan di sekolah kebangsaan.

#### ***Jaringan Sosial dalam Persatuan tentang Hal Ehwal Murid Tiada Kewarganegaraan***

Dalam bahagian ini, kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang baik di antara ibu bapa tiada kewarganegaraan dengan guru-guru S.K Pulau Mabul melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah berkaitan dengan hal ehwal kanak-kanak tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul. Menurut responden Puan Alfia, beliau aktif dalam penyertaan ibu bapa di sekolah misalnya ada jemputan untuk melibatkan diri dalam apa-apa lawatan di S.K pulau Mabul. Menurut Puan Alfia lagi:

“.... meeting macam kalau ada pelawat datang sekolah, kan ibu-ibu disuruh datang juga tapi itu ada yang tidak datanglah juga, itu dari ibu-ibu mahu datangkah tidak ....”

(Puan Alfia, ditemu bual pada 7 Februari 2022)

Penyataan di atas menunjukkan bahawa ibu bapa tiada kewarganegaraan tidak terabai dalam aktiviti PIBG di sekolah. Selain itu, PIBG juga bersama-sama dengan ibu bapa untuk menyelesaikan isu murid tiada kewarganegaraan yang tidak mendapat kemudahan di sekolah seperti Skim Pinjaman Buku Teks, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskun (KWAPM) dan lain-lain bantuan daripada kerajaan. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di S.K Pulau Mabul sebulat suara untuk membenarkan ibu bapa tiada kewarganegaraan membuat salinan atau fotokopi buku teks untuk anak mereka. Hal ini bagi memudahkan pembelajaran murid tiada kewarganegaraan dalam

bilik darjah. Selain itu, ibu bapa tiada kewarganegaraan juga menyatakan bahawa PIBG telah melaksanakan RMT kepada murid tiada kewarganegaraan. Hal ini kerana, menurut Puan Alfia:

*“.... dulu ada, sebab ni budak diorang tidak dapat RMT kan, jadi kami bayar sama Hjh Salmah. Macam RM3.00 satu kali makan, macam RM2.50 bah untuk satu orang anak ....”*

(Puan Alfia, ditemu bual pada 7 Februari 2022)

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa PIBG menjadi tempat perbincangan dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan hal ehwal murid tiada kewarganegaraan di S.K Pulau Mabul. Dalam masa yang sama, guru-guru di S.K Pulau Mabul menjadi tempat rujukan bagi ibu bapa tiada kewarganegaraan yang anaknya dikeluarkan daripada sekolah kerana tidak mendapat surat kelulusan belajar di S.K Pulau Mabul. Menurut responden Puan Nuryakin:

*“.... ada juga cikgu Manja bagitahu untuk kasi tenang kami kan, dia suruh bawa bincang dengan PIBG macam mana, nah itu saja. Banyak kali kakak jumpa Ustaz Awang, macam mana ada kelulusan kah sudah, ustaz bilang belum ada jawapan lagi. Kakak tanya Ustaz Awang saja. Jadi ustaz Awang kasitahu lah macam dia bagi minta maaf kak apa boleh buat ....”*

(Puan Nuryakin, ditemu bual pada 7 April 2022)

Murid tiada kewarganegaraan yang tiada mendapat kelulusan belajar daripada JPNS akan dikeluarkan daripada sekolah apabila pihak daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membuat tinjauan di S.K Pulau Mabul. Ibu bapa yang anaknya dikeluarkan daripada sekolah berusaha untuk sering berjumpa dengan guru S.K Pulau Mabul yang banyak membantu ibu bapa. Dalam masa yang sama, guru-guru juga meminta ibu bapa untuk berbincang dan suarakan dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) berkenaan isu anak mereka yang dibuang sekolah. Justeru, hubungan sosial diantara ibu bapa tiada kewarganegaraan dan kakitangan S.K Pulau Mabul bersifat positif yang mewujudkan jaringan sosial antara individu dan organisasi berlaku dalam apa juah yang berkaitan dengan isu murid bukan warganegara yang bersekolah di S.K Pulau Mabul. Oleh itu, jaringan sosial yang melibatkan individu dengan organisasi dalam kajian ini membuktikan bahawa pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan dibantu oleh jaringan sosial yang wujud melalui modal sosial.

### **Perbincangan**

Institusi pendidikan dapat mewujudkan jaringan sosial diantara ibu bapa dan guru-guru khususnya dalam kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan dalam sekolah kebangsaan. Jaringan sosial yang mempunyai status profesional akan memudahkan individu menggunakan sumber yang berguna dengan memberikan tahap pencapaian pendidikan yang lebih baik (Mishra & Muller, 2021). Hal ini bermaksud guru-guru di sekolah yang mempunyai tanggungjawab dan berpegang kepada polisi pendidikan akan memudahkan pengurusan ibu bapa bagi memasukkan anak mereka yang berstatus bukan warganegara di sekolah kebangsaan mengikut proses dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada tahun 2009, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas 1/2009 mengenai akses dan pendaftaran kanak-kanak ke sekolah awam hendaklah salah seorang ibu bapa adalah warganegara Malaysia dan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan daripada ketua kampung untuk mengesahkan bahawa kanak-kanak itu adalah warganegara Malaysia (Saman & Afandi, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa ketua kampung juga memainkan peranan dalam sebuah jaringan sosial kemasukan kanak tiada kewarganegaraan

untuk pengesahan status kerakyatan anak dan pengesahan kependudukan, dan hasil data juga mendapati bahawa pengesahan ketua kampung diperlukan bagi mengesahkan sijil nikah ibu bapa yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

Menurut Loganathan et al. (2022), hanya beberapa kategori bukan warganegara yang dibenarkan memasuki sekolah kerajaan dan sebelum penerimaan, mereka dikehendaki menyediakan dokumen murid, membayar yuran dan menghantar dokumen yang diperlukan. Justeru, hubungan antara ibu bapa tiada kewarganegaraan dengan guru-guru S.K Pulau Mabul, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) adalah melalui proses kemasukan ke sekolah kebangsaan dengan pengisian borang Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara, surat kelulusan belajar yang dikeluarkan oleh JPNS dan bayaran yuran sebanyak RM120.00. Tanpa surat kelulusan belajar daripada JPNS, budi bicara daripada guru besar masih berlaku dengan menerima kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan. Walaupun peluang keciciran pelajar pendatang asing dalam sistem pendidikan kerajaan banyak dipengaruhi oleh yuran (Hsin & Reed, 2020) dan ibu bapa yang dilahirkan di luar negara serta kurang tahu norma-norma berkaitan kemasukan pelajar (Mishra & Muller, 2021) menyebabkan murid tiada kewarganegaraan di Malaysia yang tidak mendapat kelulusan daripada JPNS berpotensi untuk dikeluarkan daripada sekolah semasa. Justeru, jaringan sosial antara ibu bapa tiada kewarganegaraan dan pihak sekolah sangat penting dengan mendapatkan budi bicara daripada pentadbir sekolah bagi mengekalkan keberadaan anak mereka di sekolah kebangsaan.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kemasukan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan melibatkan ibu bapa bagi mewakili kanak-kanak tiada kewarganegaraan dan pihak autoriti seperti ketua kampung, guru-guru di sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS). Hubungan sosial antara individu dengan organisasi dikuatkan oleh kepercayaan terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh organisasi tersebut. Hal ini menyebabkan ibu bapa perlu mematuhi setiap peraturan yang dikenakan di sekolah kebangsaan sekiranya ingin mengekalkan keberadaan anak di sekolah kebangsaan.

Oleh hal yang demikian, penerimaan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan telah menjadikan negara Malaysia mencapai matlamat Pendidikan Untuk Semua iaitu, memberikan pendidikan untuk semua kanak-kanak di Malaysia. Dalam masa yang sama, kanak-kanak tiada kewarganegaraan akan kurang mengalami keciciran dalam pendidikan kerana diberi peluang untuk mendapat pendidikan rendah kebangsaan sekiranya tidak melanggar peraturan sekolah sekaligus, membantu pembangunan komuniti di Pulau Mabul dalam pendidikan. Hal ini juga telah menyumbang negara Malaysia untuk merealisasikan matlamat Pendidikan Untuk Semua kanak-kanak. Justeru, jaringan sosial dalam pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan melibatkan hubungan antara individu dengan organisasi dan, ditentukan oleh kategori proses permohonan kemasukan di sekolah kebangsaan. Kumpulan organisasi atau persatuan dalam jaringan sosial membantu memudahkan pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kerajaan. Namun, apakah kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang mendapatkan pendidikan di sekolah kebangsaan pada hari ini akan berjasa kepada Malaysia? Oleh itu, isu pendidikan kanak-kanak tiada kewarganegaraan di sekolah kebangsaan amat penting untuk melihat bagaimana keberkesanan pendidikan kebangsaan terhadap kanak-kanak tiada kewarganegaraan kepada negara Malaysia.

## Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan dengan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2104) dan geran penyelidikan RACER/1/2019/SS06/UMS/1 dengan tajuk penyelidikan, "Pendidikan Alternatif sebagai Strategi Survival ke arah Keterangkuman Sosial dalam kalangan Penduduk Tanpa Dokumen di Pulau Mabul, Sabah".

## Rujukan

- Akta Pendidikan. (1996). (Akta 550), Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah Terpilih.
- Ali, I. (2012). Sepintas Lalu Pulau Mabul. Dalam I. Ali & Y. Karulus (Eds.), *Pulau Mabul Dulu, Kini dan Masa Depan*. (hlm 1 – 9). Universiti Malaysia Sabah.
- Borneo Today. (2018, 27 November). Kanak-kanak Tidak Lengkap Dokumen Diterima di Sekolah Kebangsaan. Diakses pada 23 Januari 2020 melalui: <https://www.borneotoday.net/kanak-kanak-tidak-lengkap-dokumen-diterima-di-sekolah-kebangsaan>
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods* (4nd ed.). Oxford University Press.
- Crul, M., Lelie, F., Biner, Ö., Bunar, N., Kesker, E., Kokkali, I., ... & Shuayb, M. (2019). How the Different Policies and School Systems Affect the Inclusion of Syrian Refugee Children in Sweden, Germany, Greece, Lebanon and Turkey. *Comparative Migration Studies*, 7(1), 1-20.
- Hallett, R. E. (2013). Undocumented Student Success: Navigating Constraints Related to Retention. *The Journal of Latino-Latin American Studies*, 5(2), 99-112.
- Hauberer, J. (2011). *Social Capital Theory: Towards A Methodological Foundation*. Springer Fachmedien Wiesbaden GmbH.
- Holdaway, J. (2018). Educating the Children of Migrants in China and the United States: A Common Challenge?. *China Population and Development Studies*, 2(1), 108-128.
- Hsin, A., & Reed, H. E. (2020). The Academic Performance of Undocumented Students in Higher Education in the United States. *International Migration Review*, 54(1), 289-315.
- Kamarudin, N., Yen, S. H., & See, K. F. (2020). Social Capital and Subjective Well-Being in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(6).1-10.
- Kassim, A., & Imang, U. (2005). Orang Pelarian di Sabah: Status dan Prospek. Dalam A. Kassim (Eds.), *State Responses to the presence and employment of FW in Sabah*. (hlm 91 – 114). Universiti Malaysia Sabah.
- Lin, N. (2004). *Social Capital: A Theory of Social Structure and Action*. The Press Syndicate of the University of Cambridge. Cambridge University Press.
- Loganathan, T., Chan, Z. X., Hassan, F., Ong, Z. L., & Majid, H. A. (2022). Undocumented: An Examination of Legal Identity and Education Provision for Children in Malaysia. *Plos One*. 17(2).
- Lumayag, L. A. (2016). A Question of Access: Education Needs of Undocumented Children in Malaysia. *Asian Studies Review*, 40(2). 192-210.
- Mikiewicz, P. (2021). Social Capital and Education - An Attempt to Synthesize Conceptualization Arising from Various Theoretical Origins. *Cogent Education*, 8(1).
- Mishra, S. (2020). Social Networks, Social Capital, Social Support and Academic Success in Higher Education: A Systematic Review with a Special Focus on 'Underrepresented' Students. *Educational Research Review*.
- Mishra, S., & Muller, L. (2021). Resources, Norms, and Dropout Intentions of Migrant Students in Germany: The Role of Social Networks and Social Capital. *Studies in Higher Education*

- Najjuma, R., Gallagher, M. & Nambi, R. (2022). The Role of Institutional Practice, Non-Educational Actors and Social Networks in Shaping Refugee Student Lifeworlds in Uganda Higher Education. *Transformation in Higher Education*, 7(0), a184.
- Putnam, R. (1993). *The prosperous community: Social capital and public life*. The American Prospect, Spring, 13(4).
- Putnam, R. (2000). "Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community". New York.
- Rahmat, N. E., Randawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174–1184.
- Saat, G., Mokhtar, R., dan Mansur, K. (2020). Diaspora Impact to Indigenous of Sama Dilaut in Sabah, Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*. 1(3). 1-12
- Sadiq, K. (2009). *Paper Citizen: How illegal immigrants acquire citizenship in developing countries*. Oxford University Press. New York. (hlm 57 – 69)
- Saibeh, B. (2018). Pendidikan Alternatif Sebagai Wadah keterangkuman Sosial dalam kalangan Penduduk yang Tiada Kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 24.
- Saibeh, B. (2019). Penduduk Tanpa Kewarganegaraan dan Isu Keterangkuman Sosial di Pulau Mabul, Sabah. *Southeast Asian Social Science Review*. 4(2).
- Saibeh, B., Osman, M. S., Saat, G., & Japili, L. H. (2021). Pengetahuan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dalam Kalangan Komuniti di Pulau Mabul, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 132 – 143.
- Saman, M., & Afandi, M. B. N. H. (2018). Honoring primary education for stateless children: Analysis of Malaysian legal perspective and current practice. *IIUM Repository (IRep)*. Retrieved September, 21, 2021.
- Sansalu, D., & Rahim, S. (2012). Perkembangan Pendidikan di SK. Pulau Mabul. Dalam I. Ali & Y. Karulus (Eds.), *Pulau Mabul Dulu, Kini dan Masa Depan*. (hlm 27- 34). Universiti Malaysia Sabah.
- Stanton-Salazar, R. D. (2011). A Social Capital Framework for The Study of Institutional Agents and Their Role in the Empowerment of Low-Status Students and Youth. *Youth & Society*, 43(3), 1066-1109.
- Thompson, J. J., Conaway, E., & Dolan, E. L. (2016). Undergraduate Students Development of Social, Cultural, and Human Capital in A Networked Research Experience. *Cultural Studies of Science Education*, 11(4), 959-990.
- Zakari, N. A., Majid, M. Z. A., & Hussin, M. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001288-e001288.